



proceeding
i **smc** t
Pengukuhan Budi & Jati Diri
2016

JUNE 2016
Tanjung Bidara Resort Melaka



AKEPT HIGHER
EDUCATION
LEADERSHIP
ACADEMY

PJI&A
Penyelidikan Jaringan Industri & Alumni

PROCEEDING ISME

Penyunting:
Ahmadrashidi bin Hasan
Abd. Rasid Bin Ismail
Rosli Zakaria

DITERBITKAN OLEH
Fakulti Seni Lukis & Seni Reka, Uitm Melaka.



PROCEEDING ISME

Penyunting
Ahmadrashidi bin Hasan, Abd. Rasid Bin Ismail & Rosli Zakaria

Reka bentuk
Norsharina Samsuri
Hafiz

Diterbitkan oleh:
Fakulti Seni Lukis & Seni Reka, UiTM Melaka.

Segala pendapat yang diterbitkan di dalam buku ini merupakan pendapat para pengarang dan tidak semestinya mewakili pendapat penerbit.

ISBN 978-967-0637-20-4

Hak Cipta Terpelihara.
Tidak dibenarkan mengeluarkan ulangan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sama ada cara elektronik, fotokopi, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis dari penyunting dan Fakulti Seni Lukis & Seni Reka, UiTM Melaka terlebih dahulu.

Cetakan Pertama 2016

ISI KANDUNGAN

Isi Kandungan	3
Jawatankuasa Kolokium ISME 2016	5
1. Creative Art Therapy Program: Case Study on Malay Muslim Inmates at Sungai Udang Prison in Melaka	6
Azahar Harun, Rosli Zakaria, Amirruddin Osman, Ariff Ali, Hishamudin Ahmad, Haslinda Abd Razak, Meor Hasmadi Meor Hamzah	
2. Contemporary Islamic Art of Iraq Country: It's Appreciation	15
Fatimatuzzaharah Mohd Kidin	
3. Standardizing Malaysian Vehicle Registration Number Plate	22
M. R. Ruzalia & G. Daimin	
4. Using Photographic Images as an Alternative Method To Learning Process In Pre-School Level	32
Farihan Zaharia, Fatrisha Mohamed Yussof, Nurkhazilah Idris, Aidah Alias	
5. A Study of The Malaysian Youth Perception Toward ‘Muslim Pro’ Apps Through Smart Phone in Malaysia Using Technology Acceptance Model (TAM)	36
Hafizah Rosli & Dr Ruslan Abd Rahim	
6. Interactive Multimedia: HajjEdu Kiosk	42
Ilinadia Binti Jamil & Zainal Bin Kadir	
7. A Visual Analysis: 3D Computer Graphic with Narrative Structure of Adhan Recitation	50
Lili Eliana Mohd Radzuan, Wan Nur Khalisah Shamsudin, Mohamed Razeef Abd Razak & Azahar Harun	
8. The Role of Visual Communication in Improving Images of Malaysian Secondary School Textbooks	59
N. Yusof & G. Daimin	
9. The Styles of Illumination In Al-Qur’ans of The Malay World	66
N.H.M. Din, D.H.M. Zain, M. Mokhtar	
10. Artistik Rhiz : Seni Rupa Kontemporari Malaysia	73
Shahariah Mohamed Roshdi , Dr. Abd. Rasid Bin Ismail & Mohd Haniff Mohd Khalid	
11. Penilaian Pengunjung Terhadap Pameran Karya Seni “Travelog Pelajar Seni Halus UiTM Melaka”	80
Amiruddin Osman, Dr Rosli Zakaria, Shahrul Munir Mohd Kaulan	

12.	Compilation Theory Of Malay Malay Aesthetics: Concept Malay Beauty In Arts Nurkhazilah Idris, Ruzaika Omar Basaree, Fazlina Mohd Radzi, Fatrisha Mohd Yussof, Farihan Zahari & Shaliza Dasuki.	86
13.	Alam Sebagai Sumber Reka Bentuk Motif-Motif Seni Hiasan Fabrik Masyarakat Melayu Dr. Abd. Rasid Bin Ismail , Shahariah Mohamed Roshdi & Prof. Madya Dr Ahmad Rashidi Bin Hasan	95
14.	Geometri dalam Rekabentuk Naskhah Dala'il al-Khayrat: Suatu Kajian Awal A. Abdullahe* dan S. Silahb	104
15.	Exploring An Art Photography Movement In Malaysia (1900-2000) Raziq Abdul Samat, Wan Nor Ayuni Wan Mohd Zain, Shafirah Shaari, Dona Lowii Madon, Aidah Alias & Mohd Fakhrul Rodzi Abd Ghapur	112
16.	Penghayatan Budaya Kebangsaan Dalam Karya Animasi Malaysia Pasca-Merdeka Shaliza Dasukia, Nurkhazilah Idrisa, Nurhasliza Abdulahb dan Norhazalen Haji Saadc	116
17.	Appreciating Islamic Contemporary Art of Afghanistan Country Nurul Syazlina Bt Che Yusof, Nor Kamalia Bt Mohamed Saat, Prof. Dr. Dzul Haimi Md Zain, Dr. Mumtaz Hj Mokhtar	125
18.	Describing Advertising Approach By Ministry Of Health Malaysia For Public Service Annouement Campaign: Case Study On Anti Dengue Campaign In Press Ad Norsharina Samsuri, Anith Liyana Amin Nudin	130
19.	Penyimpanan Dan Pendokumentasian Karya Kreatif Di Fssr, UiTM Melaka Haslinda Abdul Razak1, Nur Hasliza Abdulah2, Azni Hanim Hamzah3, Nurul Izza Ab Aziz4, Wan Nor Ayuni Wan Mohd Zain5, Noor Hafiza Ismail6	135
20.	Stail Abstrak Arca Awam Kuala Lumpur : Refeleksi Terhadap Tegahan Agama Islam Membina Arca Berbentuk Figura Bernyawa. Dr. Rosli Zakaria	144
21.	Kartun Editorial Internet Indie Melayu: Kritikan Politik Dan Sosial Melalui Rangkaian Sosial Facebook Bertemakan Pribahasa Lama Melayu Fazlina Mohd Radzi, Shahariah Mohamed Roshdi, Nurkhazilah Idris	159
22.	Creativity and Inspiration Woven Technique By Using Excessive Plastic Bag Azni Hanim Hamzah,a , Salina Abdul Mananb , Noor Hafiza Ismaila , Nurhikma Mat Yusufa , Nurul Izza Ab Aziza	167
23.	Sustainable Furniture Design: An Alternative Approach To Enhance Learning Process In Autism Classroom 1Nurhikma Bt Mat Yusof, 2Rosaliana Bt Rahim, 3Ridzuan Adli Bin Azidin	174

JAWATAN KUASA

ISME 2016

Penaung	PM Dr. Mohd Adnan Bin Hashim
Penasihat 1	Dr. Rani Diana Binti Othman
Pengerusi Timbalan Pengerusi	Dr. Azahar Bin Harun Cik Nurhikma Binti Mat Yusof
Ketua Projek Pen. Ketua Projek	PM Dr. Ahmad Rashidi Bin Hasan Dr. Rosli Bin Zakaria
Setiausaha Timbalan SU 1 Timbalan SU 2	Puan Shaliza Binti Dasuki Cik Nurkhazilah Binti Idris Cik Fazlina Binti Mohd Radzi (Penerimaan Abstrak & Kertas Kerja)
Wakil Bendahari Fssr	Puan Azni Hanim Bin Hamzah
Editor	Dr. Abd. Rasid Bin Ismail (Ketua) Dr. Rosli Bin Zakaria PM Dr. Ahmad Rashidi Bin Hasan Dr. Azahar Bin Harun
Tempat & Kemudahan	Puan Shaliza Binti Dasuki Cik Noor Hafiza Binti Ismail
Jk Dokumentasi	En. Raziq Bin Abdul Samar En. Meor Hasmadi Bin Meor Hamzah En. Mohd Hanif Bin Mohd Omar Cik Aidah Binti Alias
Jk Seranta & Publisiti	En. Ridzuan Adli Bin Azidin Cik Nurhikma Binti Mat Yusof
Jk Penyambut Tetamu & Protokol	En. Arif Bin Ali Tuan Haji Abd. Wahab Bin Muhammad Puan Shahariah Binti Mohd. Roshdi Cik Rosaliana Binti Rahim
Jk Sijil & Cenderamata	Puan Nur Hasliza Binti Abdullah Puan Nurul Izza Bin Ab. Aziz
Jk Jemputan	Puan Haslinda Bin Abd. Razak
Jk Teknikal & Logistik	En. Hisammudin Bin Ahmad En. Rafuzan Bin Jaafar
Jk Pereka	Puan Norsharina Binti Samsuri (Ketua) Puan Anith Liyana Binti Amin Nudin Puan Fatirisha Binti Mohamed Yussof
Jk Pendaftaran	Cik Fazlina Binti Mohd Radzi Puan Azni Hanim Bin Hamzah Cik Siti Sarah Binti Adam Wan

KARTUN EDITORIAL INTERNET INDIE MELAYU: KRITIKAN POLITIK DAN SOSIAL MELALUI RANGKAIAN SOSIAL FACEBOOK BERTEMAKAN PRIBAHASA LAMA MELAYU

¹Fazlina Mohd Radzi, ²Shahariah Mohamed Roshdi, ³Nurkhazilah Idris

Jabatan Liberal / Pengajian Budaya Visual

Fakulti Seni Lukis & Seni Reka,

Universiti Teknologi MARA Melaka

*koresponden penulis : fazlina@melaka.uitm.edu.my

Abstrak

Kartun adalah suatu bentuk seni lukis yang dihasilkan menerusi pendekatan mengubahsuai akan rupa sesuatu subjek. Sejarah kartun yang panjang telah membentuk penghasilan jenis-jenis kartun yang diterbitkan untuk tatapan para pembaca secara khususnya. Berlainan dengan kartun editorial dan lerang yang muncul menerusi penerbitan akhbar dan majalah, dunia kartun tempatan turut dihiasi dengan kemunculan kartun-kartun indie yang disiarkan menerusi laman sosial Facebook. Facebook bukan sekadar laman sosial yang digunakan untuk manusia berinteraksi menerusi maya, malah dijadikan sebagai platform untuk para kartunis ini meluaskan bakat serta memberikan kritikan dan pendapat peribadi mereka. Kajian ini adalah berkenaan kartun editorial indie melayu yang di muatnaik menerusi laman Facebook. Tujuan kajian ini bagi mengenal pasti isu-isu dan tema yang menjadi kegemaran para ‘follower’ (pengikut) laman kartun editorial indie dan menghubungkaitkan karya visual atas talian ini dengan peribahasa melayu lama. Ia juga bertujuan untuk memahami kritikan dan pandangan kartunis indie terhadap isu-isu berbangkit yang menjadi berita utama dan viral di seluruh negara. Selain dari itu, terdapat juga tema yang berkaitan dengan aspek budaya dan sosial yang mana amat dekat di jiwa para rakyat Malaysia dengan menggunakan kaedah analisis Edmund Burke Feldman. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menjadikan pemerhatian dan temubual sebagai kaedah mendapatkan maklumat dan data. Hasil kajian mendapati kemajuan penggunaan teknologi tidak mengabaikan perkaitan antara seni visual kartun editorial indie dengan peribahasa melayu.

Kata Kunci: kartun editorial, kartun indie, melayu, facebook, peribahasa

Pengenalan

Dalam dunia Melayu tradisi, wayang kulit boleh disifatkan sebagai bentuk kartun awal berdasarkan rupa watak-wataknya yang digayakan dan diubahsualkan dan menyampaikan jalan cerita yang penuh dengan nilai-nilai moral serta pengajaran bersulamkan jenaka. Secara umumnya, masyarakat sezaman melihat kartun sebagai sejenis lukisan berbentuk perlambangan yang membuat penyataan bersifat lucu, tajam dan menyindir.

Kartun adalah pentas dalam menyampaikan visi kartunis secara visual, manakala pemikiran Melayu pula disampaikan secara tersurat dan tersirat dalam peribahasa Melayu.

Peredaran zaman dengan kemajuan teknologi dimana penerbitan kartun editorial bukan sahaja terhad melalui akhbar aliran semasa dan majalah. Kemunculan laman sosial terawal seperti Friendster pada tahun 2002, LinkedIn dan MySpace pada tahun 2003, dan muncul pula Facebook yang diasaskan oleh Mark Zuckernberg. Menurut socialbakers.com, yang merupakan syarikat pemantau sosial media mendapati bahawa jumlah pengguna Facebook di Malaysia adalah seramai 13 juta dan jumlahnya meningkat setiap hari. Pemilik akaun kartun editorial indie yang dibangunkan oleh kartunis editorial indie pula melebihi sebanyak 50 jenis halaman yang berbeza dan mempunyai purata followers dalam sekitar 5,000 orang sama ada di dalam negara atau di luar negara.

Dengan kecanggihan teknologi dan kepentasan manusia berhubung melalui atas talian, menjadi landasan utama para kartunis indie ini untuk berkarya dan berkongsi rasa humor mereka dengan peminat kartun yang lebih luas pembacanya. Disini pengkaji ingin melakukan analisis dari lima orang kartunis indie melayu yang mempunyai jumlah pembaca paling ramai di Facebook dan memahami maksud tersirat melalui kartun mereka dengan menggunakan analogi pribahasa melayu. Selain itu pengkaji ingin melihat penggunaan Simbolisme, Pelabelan, Analogi dan Ironi dalam setiap kartun yang dihasilkan dalam bentuk pribahasa melayu. Teori Edmund Burke Feldman digunakan untuk kajian ini.

Definisi Simbolisme, Pelabelan, Analogi, Ironi

Menurut A.N Whitehead menerusi buku beliau yang bertajuk *Symbolism, Its Meaning and Effect*, 1927 mendefinisikan symbolism ataupun perlambangan itu minda manusia berfungsi secara simbolik apabila beberapa komponen pengalamannya mencungkil kepercayaan kesedaran, emosi dan kelaziman, menghormati komponen lain yang dialaminya. Bekas set komponen adalah 'lambang', dan set kedua membentuk 'makna' satu simbol. Fungsi organik di mana terdapat peralihan dari simbol makna akan dipanggil rujukan simbolik.

Kartunis editorial kerap menggunakan simbol (seperti Uncle SAM untuk Amerika, Beruang untuk Rusia atau Harimau Malaya untuk Malaysia) untuk menyampaikan sesuatu konsep, idea, perjuangan dan sebagainya. Selain itu juga, melalui kartun turut mendedahkan dalam bentuk perlambangan yang sah akan diri, gaya seseorang kartunis itu. Bagi mereka yang tidak mengenali seseorang kartunis akan pilihan mereka terhadap sesuatu simbol itu, karya kartunnya pasti sukar difahami dan tidak masuk di akal.

Selain menggunakan Simbolisme, pelabelan juga kerap digunakan oleh kartunis dalam melabelkan objek atau manusia bagi menyatakan secara secara jelas akan pendirian juga menyampaikan mesej yang cuba mereka sampaikan. Dalam kebanyakan isu, kelaziman menggunakan metafora adalah lebih mudah untuk membongkar melalui petunjuk konsep atau konteks yang diberikan oleh seseorang kartunis itu. Dalam kes-kes tertentu di mana petunjuk sedemikian mungkin tidak memberikan alasan bagi kefahaman, kartunis menerima pakai samaran pelabelan dengan entiti dan objek dengan mengandaikan imej-imej yang dikehendaki oleh kartunis itu.(Medubi:2003)

Penggunaan Analogi pula bermaksud perbandingan diantara dua perkara yang berbeza tetapi berkongsi ciri-ciri yang sama. Perbandingan ini sering digunakan oleh kartunis editorial untuk membantu pembaca memahami isu-isu sensitif atau kompleks tapi dalam bentuk yang lebih ringkas dan lucu. Ironi dihasilkan apabila makna yang dimaksudkan pernyataan yang disembunyikan atau bertentangan dengan pengertian literal dari kata-kata. Ironi adalah perbezaan di antara cara sesuatu perkara, dan cara akan perkara yang harus, atau cara yang dijangka. Kartunis sering menggunakan ironi untuk menyatakan pendapat mereka mengenai sesuatu isu.

Definisi Indie

Secara umumnya karya kartun-kartun indie turut digelar sebagai alternatif komik/kartun yang berkembang secara perlahan-lahan pada era 80'an di Amerika Syarikat.

Definisi indie secara amnya bermaksud bebas, berakarkan dari perkataan independence yang pada permulaannya dicipta untuk para artis seperti penyanyi/pelakon/pengarah yang tidak terikat dengan mana-mana badan, syarikat dan sebagainya dan berkeupayaan untuk menghasilkan semuanya dengan sendiri.

Istilah kartunis indie ini terhasil kerana kartunis yang memuatnaik karya-karya mereka tidak pernah menerbitkan kartun editorial mereka melalui akhbar-akhbar atau majalah-majalah di Malaysia.

Jika penerbitan kartun editorial melalui akhbar arus perdana, mereka perlu mematuhi syarat-syarat tertentu, perlu disunting oleh ketua editor sebelum idea kartun mereka boleh diterima.

Maka gelaran indie ini diberikan untuk para kartunis-kartunis yang bergerak bebas tanpa terikat dengan sebarang formaliti berkenaan dengan penerbitan kartun.

Kartun Digital

Di US, perkembangan yang paling signifikan pada tahun 1990 an adalah kelahiran ‘baka’ baru di dalam dunia kartun dan komik dan ianya berbentuk digital. Komik atau kartun berbentuk digital ini hanya boleh di dapat melalui internet. Pada zaman awal kemunculan komik digital, penghasilannya tidak termaktub dengan saiz muka halaman atau kos penggunaan warna, tapi penyebarannya agak terhad tertakluk dengan keluasan jalur lebar internet serta jumlah pengguna (Petersen, 2011).

Menurut Hayess (2011), kelebihan menggunakan komputer adalah lebih mudah dimana pengubahaian kecil boleh dilakukan yang boleh menjadikan sesebuah gambar itu dengan penyediaan yang lebih hebat untuk sedia diterbitkan dalam bentuk digital files, komik, buku atau laman web. Kaedah yang sama turut digunakan oleh kartunis indie di Malaysia. Dari melukis menggunakan software, disimpan kemudian di jadikan imej dalam format JPEG atau PNG, dan kemudian dimuatnaik melalui laman sosial.

Peribahasa Melayu

Peribahasa ialah susunan kata pendek dan indah, dan mengandungi pengertian yang luas digunakan oleh masyarakat Melayu untuk menyampaikan ajara-ajaran orang tua, nasihat dan lain-lain. Peribahasa juga adalah sebahagian daripada khazanah sastera Melayu berbentuk lisan dalam bentuk pepatah, perbilangan, dan perumpamaan (Chapakiya, 2015). Disini pengkaji ingin menyelami kritikan sosial yang dibawa oleh kartunis editorial indie melayu yang turut mempunyai maksud tersirat sama dengan pribahasa melayu lama.

ANALISIS

Kemunculan laman sosial Facebook yang ditubuhkan oleh Mark Zuckenberg pada tahun 2004 nyata memberikan impak yang sama besarnya dengan penerbitan akhbar berita kerana pengisianya bukan setakat menjadi ruang perkenalan malah turut bertindak sebagai platform untuk pengenalan dan hebatnya. Butang Kongsi atau *Share* adalah antara kemudahan yang membuatkan sesuatu berita atau cerita dapat disampaikan dengan lebih mudah dan pantas, lantas ianya menjadi viral. Para kartunis-kartunis indie ini melihat Facebook ini adalah batu loncatan yang sesuai untuk memperkenalkan karya-karya mereka. Fanikartun.com, Yak Bok Te, MM Vectoristic, Birat, dan Comicstripper merupakan antara perintis kartunis indie Melayu yang berkarya dan memuatnaik kartun mereka melalui Facebook. Permulaan mereka rata-ratanya bermula pada sekitar tahun 2008. Boleh dikatakan MM Vectoristic adalah antara pemula yang mendapat perhatian dengan gaya kartun yang santai dan kerap menampilkan kisah-kisah politik semasa. Garapan kartun beliau begitu menyamai dengan gaya Datuk Lat yang tampak agnostic, bersifat humor dan menampilkan ketepatan.

Rupa kartun beliau berskala kecil dan lebih menitik beratkan latar belakang yang sepatutnya menjadi penghias. Penggunaan *bubble talk* pula menjadi signifikan dan agak mendominasi ruang. Ini bertujuan untuk pembaca lebih memahami isu yang dipaparkan. Penggunaan *props* seperti *water filter*, pasu bunga dan alat pemadam api menjadi penghias tetap di dalam setiap kartun yang dihasilkan oleh En. Mohamad Mahadi ini (MM). Jumlah yang menyukai atau *Like* beliau melalui laman Facebook MM Vectoristic merupakan yang paling ramai sekali iaitu berjumlah seramai 28,000 pembaca (setakat kajian ini ditulis). Meskipun pengkadaran saiz kartun yang dilukis tampak halus, namun penggunaan rujukan simbolik seperti cermin mata, rambut, hidung dan pakaian seseorang individu

yang ditampilkan membolehkan pembaca mengenali watak. Ini amat bertentangan sekali dengan rupa kartun karikatur yang menjadi kelaziman di dalam kartun editorial sedia ada yang memperbesarkan dan mensensasikan wajah seseorang individu itu. Seperti contoh, wajah Datuk Sri Najib Tun Razak, direpresentasikan dengan rambut putih dan botak dibahagian tengah kepala, berserta dengan pakaian formal korporat. Walaupun kecil namun masih boleh dikenali. Hasil komen dari dibahagian comment para pembaca, rata-rata semuanya dapat mengenali karakter individu yang tonjolkan. Menyentuh dari segi mesej atau topik yang menjadi pilihan MM Vectoristic, beliau cepat menangkap isu yang menjadi viral dan segera menjadikan ianya dalam bentuk kartun. Ianya menjadi lebih mudah kerana MM vectoristic adalah kartun digital, yang hanya mengambil masa beberapa minit untuk disiapkan dan kemudian dengan satu klik, kartun editorial dimuatnaik melalui Facebook. Pada permulaan, penggayaan kartun MM vectoristic tampak kemas dan ringkas, namun akibat kepadatan kerja dan aktiviti harian, lakaran yang dihasilkan menjadi semakin kurang kemas namun masih ada mesejnya. Beliau juga mengakui diri beliau tidak begitu mahir menggunakan medium konvensional untuk melukis, lebih selesa menggunakan software seperti Adobe Illustrator dan Photoshop.




Figura 1: Karya MM Vectoristic

Manerasi kartun yang beliau hasilkan berkenaan dengan sikap sebilangan rakyat Malaysia yang menyokong parti pembangkang yang gemar menjadi menyalahkan pihak yang tidak sepappendat dengan mereka. Menerusi kartun ini juga menggunakan s Jika seseorang itu bersetuju dengan pendapat mereka, maka kata pujian akan diberikan. Tapi jika tidak, ianya akan jadi sebaliknya. Menyamai kata-kata bidalan lama peribahasa Melayu '**Lain Dulang Lain Kaki, Lain Orang Lain Hati**' yang bermaksud lain orang, lain pendapatnya.

Bermula pada tahun 2009, En. Farhan bin memulakan minat melukis komik beliau menerusi laman blogspot. Namun, beliau menyedari, peluang kartun beliau untuk dikenali adalah lebih cerah menerusi laman Facebook kerana jumlah penggunaannya meningkat setiap hari. Mengikut statistik yang dikeluarkan oleh *Socialbakers.com*, jumlah pengguna Facebook di Malaysia melebihi 13 Juta orang pengguna atau bersamaan dengan 49.83% jumlah populasi penduduk sebenar yang menjadikan kita berada di kedudukan No.18 jumlah pengguna Facebook di seluruh dunia. Menurut 'wearesocial.sg', masa yang diluangkan oleh pengguna Facebook di Malaysia dalam sekitar 16-64 tahun adalah 5 jam sehari (untuk pengguna komputer/desktop), maka pendedahan mereka dengan kartun editorial indie melalui Facebook adalah lebih besar dan meluas. Malah penghasilanya kartun editorial indie tidak tetap dan boleh dilayari dan dimuatnaik pada bila-bila masa.

Pemilihan tema yang digunakan oleh Comicstripers adalah pelbagai, sama pemilihan beliau dengan kartunis MM Vektorisrtic seperti isu sosial yang menjadi viral di sosial media serta berita-berita utama. Mengambil contoh, kartun yang beliau hasilkan pada awal Januari 2015. Isu kenaikan harga minyak menjadi perkara yang sangat sensitif di kalangan rakyat Malaysia. Semenjak perlantikan Datuk Sri Najib Tun Razak pada tahun 2008, kenaikan dan penurunan harga minyak petrol telah berlaku sebanyak 5 kali. Saudara Farhan memaparkan wajah bekas Menteri Perdagangan dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan, Dato' Hasan bin Malik yang tampak sugul ekoran kecaman dan rasa tidak puas hati rakyat berkenaan dengan harga kenaikan harga minyak. Tapi selepas pengumuman harga minyak diturunkan, impaknya tidak sebesar seperti sebelumnya. Kartunis Comicstripers menggambarkan akan sikap sebenar rakyat Malaysia seakan ‘Penyu bertelur beratus-ratus banyaknya, senyap; ayam bertelur sebutir saja hingar sekampung’.




Figura 2: Karya Comicstripper

‘Yak Bok Te’ adalah perkataan yang di pinjam dari bahasa kelantan, yang tidak mempunyai maksud tetapi sering digunakan, terutama ketika melatah & terkejut. Ianya menjadi tajuk kepada kartunis Amin Landak dalam menghasilkan karya-karya beliau. Bermula dengan tema yang santai, karya saudara Amin Landak kini lebih cenderung terhadap tema-tema kepolitikkan. Beliau mengakui kecenderungan beliau akibat perubahan suasana politik yang agak ‘menarik’ perhatian beliau berbanding apa yang berlaku sebelum ini.



Figura 2: Karya Amin Landak

Gaya bentuk lukisan beliau begitu mirip dengan gaya lukisan kartunis Zunar yang terkenal dengan sifat tidak takut beliau dalam mengkritik kepimpinan parti Barisan Nasional. Sama juga dengan apa yang dilakukan oleh kartunis Amin Landak, tanpa rasa keraguan menyampaikan rasa tidak setuju beliau dengan suasana politik yang sedang berlaku di Malaysia. Secara terang dan tidak berselindung, beliau melakar wajah Perdana Menteri Malaysia, Datuk Sri Najib Tun Razak sedang berbual dengan

seorang ulama berkenaan dengan GST (*Government Service Tax*) dan situasi yang kelihatan seakan-akan ulama terpaksa mengiyakan bahawa GST itu ada sesuatu perkara yang harus. Meskipun sebilangan rakyat Malaysia menyatakan rasa ketidakpuasan hari akan perlaksanaan GST ini terhadap semua barang jualan mahupun perkhidmatan sejak 1 April 2015 yang lalu.

Riak ketakutan di wajah ulama hasil gambaran kartun oleh Kartunis Amin Landak ini sama seperti dengan ungkapan pribahasa lama melayu '**Jangan ditentang matahari condong, takut terturut jalan tak berintis**' yang bermaksud jangan buat orang yang berkuasa marah kerana kita yang akan menanggung padahnya kelak.

Seorang lagi kartunis yang juga cenderung dalam menghasilkan kartun berbentuk politik adalah En. Ahmed Fani atau lebih dikenali dengan nama Kartunis Fani yang mengendalikan ruangan kartun beliau di Facebook Fanikartun.com yang telah diwujudkan semenjak tahun 2009. Berbanding dengan kartunis indie di Facebook yang sedia ada, beliau antara yang paling kerap menghasilkan kartun sekurang-kurangnya 3 karya dalam seminggu. Jumlah peratusan yang menggemari kartun beliau juga meningkat 2.2% setiap minggu. Ini mungkin kerana isu yang beliau ketengahkan begitu digemari oleh pembaca-pembaca beliau. Hasil pengamatan, beliau gemar menggunakan situasi yang menjadi bahan bacaan pada beliau, juga perkara-perkara yang menjadi hebatan di media sosial yang melibatkan isu-isu politik atau isu sosial yang menjadi perbualan di alam maya. Salah satu karya beliau yang menyentuh tentang akhlak remaja adalah yang di muatnaik pada 7 Julai 2015. Situasi di mana seorang lelaki tua berjanggut panjang dan matang sedang berbual dengan seorang budak lelaki melalui komputer. Di sini kartunis Fani menegur sikap sebilangan anak muda yang tidak menunjukkan rasa hormat apabila berbicara dengan mereka yang lebih tua, walaupun di alam maya.



Figura 1: Karya Ahmed Fani

Menggunakan kapsyen 'Di media sosial, kita lupa bahawa ada yang dah makan bertan-tan garam' mengambil dari ungkapan pribahasa 'Banyak Makan Garam' yang bermaksud banyak pengalaman. Manakala tindakan budak lelaki ini boleh diibaratkan '**Bagai Buntal Kembung**' bermaksud bersikap sompong dan bodoh, sehingga hilang hormat dengan orang yang lebih berusia.

Seorang lagi kartunis yang turut mendapat perhatian peminat kartun indie di atas talian melalui Facebook adalah Saudara Ahm Ahmad yang kerap menggunakan perkataan 'Birat' di dalam setiap kartun yang beliau hasilkan yang bermaksud 'kesan'. Langsung berbeza dengan kartunis-kartunis indie Facebook yang gemar menggunakan isu politik sebagai tema utama, En. Ahm Ahmad lebih santai dengan isu yang di lalui oleh masyarakat Malaysia setiap hari. Tidak terlalu serius dengan

perkara yang terlalu berat, kartun Birat oleh Kartunis Ahm Ahmad lebih mudah dihayati oleh pembaca. Perspektif beliau tentang kartun tidak semestinya hanya berkisarkan tentang politik sahaja, tetapi haruslah menghiburkan, berinformasi dan bermanfaat menjadi keutamaan beliau.




Figura 1: Karya Ahm Ahmad

Kartun yang dimuatnaik pada 20 Ogos 2015 ini Kartunis Ahm Ahmad menggunakan subjek seorang wanita/ibu yang sedang menyusukan seekor anak kera. Mengambil maksud secara harfiah dari pribahasa lama melayu ‘**Kera dihutan disusukan, anak di rumah mati kelaparan**’. Namun pada masa yang sama, ibu tersebut menyindir seekor ketam yang sedang mengajar anaknya berjalan lurus yang diambil dari pribahasa ‘**Bagai ketam mengajar anak berjalan lurus**’. Unsur sindiran menggunakan perlambangan secara terus ini adalah kaedah Saudara Ahm Ahmad menyampaikan idea beliau terhadap isu berkenaan dengan minum susu lembu akan menyebabkan anak mendapat DNA lembu.

KESIMPULAN

Kecenderungan para kartunis editorial indie ini dilihatkan mereka lebih bebas dalam menyampaikan kritikan mereka berkenaan dengan hal-hal politik dan sosial kerana platform internet adalah terbuka dan tidak tertakluk dengan apa-apa peraturan. Malah tema yang digunakan adalah lebih berani dan terkini kerana mudah dimuatnaik dan cepat tersebar. Jumlah pembaca yang mengikuti karya kartunis editorial indie ini juga menunjukkan peningkatan yang berterusan terutama tema yang digunakan berunsur kepolitikkan.

Penggunaan analogi peribahasa melayu secara metafora dan harfiah di dalam karya kartun indie menampakkan ciri-ciri karya yang selari dengan Dasar Kebudayaan Kebangsaan (1971) dan Seminar Akar-akar Pribumi (1979).

RUJUKAN

1. Alexander, Robin (2010) Dialogic Teaching Essentials, University of Cambridge
2. Arnett, Ronald C. (1952) Dialogic Education: Conversation about Ideas and Between Persons, Southern Illinois University, United States of America.
3. Jill E. Tward (2007) Humor, Satire, and Identity: Eastern German Literature in 1990's, Walter de Gruyter GmbH & Co, KG, Hubert & Co. GmbH & Co. KG, Gottingen.
4. Lyle, Sue (2008) Dialogic Teaching: Discussing Theoretical Context and Reviewing Evidence from Classroom Practice, Language and Education Vol.22, No.3, Swansea Institute of Higher Education, Wales.
5. Sanna Jarvela (2011) Social and Emotional Aspects of Learning, Elsevier Ltd. United Kingdom
6. Science Teaching Reconsidered: A Handbook, Committee on Undergraduate Science Education (1997), National Academy Press, Washington, D.C
7. Suraiya Chapakiya (2015) Asas Linguistik, PTS Publications & Distributors Sdn Bhd, BS Print (M) Sdn Bhd.